

## UCAPAN PERDANA MENTERI KEPADA BAKAL- BAKAL JEMAAH HAJI DI PELABUHAN PORT SWETTENHAM, PADA 3HB NOVEMBER, 1971

Assalamualaikum warahmatullah wabarakatuh. Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur kepada Allah yang maha kuasa kerana dengan keredzaan-Nya saya dapat hadir bersama-sama dengan saudara-saudara pada hari ini untuk melafazkan ucapan selamat kepada bakal-bakal Haji "Malaysia Baru" yang akan bertolak tidak berapa ketika lagi.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa menunaikan Fardu Haji adalah satu daripada rukun Islam. Fardu ini hanya dapat dikerjakan di Tanah Suci Makkatul Mukarramah, tanah tempat tumpah darah junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. setiap tahun, sejak dari bulan Ramadan, di situlah tumpuan umat Islam dari seluruh dunia, datang dengan niat yang suci, dengan penuh harapan semoga amal ibadat Hajinya diterima oleh Allah, dosa mereka diampuni dan mereka diberikan rahmat dan kebajikan dunia dan akhirat.

Saya difahamkan antara beratus ribu umat Islam yang akan berhimpun di Padang Arafah tahun ini, dengan berpakaian Ehram yang melambangkan persamaan satu sama lain, terdapat lebih 10,000 orang-orang kita dari Malaysia akan menunaikan Fardu Haji mereka pada tahun ini, termasuklah saudara-saudara sekalian yang belayar hari ini.

Adalah satu hal yang menggembirakan melihat bertambahnya jumlah jemaah Haji pada tiap-tiap tahun sejak beberapa tahun yang lepas. Inilah tanda kesedaran orang-orang Islam terhadap kewajipan masing-masing menyambut seruan Allah dan juga membuktikan bahawa taraf hidup orang-orang kita khasnya yang di luar bandar sudah meningkat naik dari satu masa ke satu masa hasil dari rancangan-rancangan pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan. Saya penuh yakin dengan adanya Rancangan Malaysia Kedua yang berjalan sekarang ini kedudukan iktisad orang-orang kita khasnya penduduk-penduduk di luar bandar akan terus meningkat tinggi mencapai kemakmuran dan kebahagiaan.

Satu lagi sebab bertambah ramai orang-orang kita menunaikan Fardu Haji ialah sejak tertubuhnya Lembaga dan Urusan Haji. Dengan adanya Tabung Haji ini orang-orang yang berpendapatan rendah atau sederhana dapat berjimat cermat menyimpan dengan cara yang mudah beransur-ansur sedikit demi sedikit mencapai cita-cita suci itu.

Saya mendapat tahu lebih enam puluh lima peratus daripada Jemaah Haji tahun ini yang pergi melalui Tabung Haji. Ada daripadanya menyimpan tetap tiap-tiap bulan yang dipotong dari gaji mereka. Ada pula anak-anak muda kita yang membuat simpanan tetap dalam Tabung Haji ini dan dapat membuat jasa, menghantar ibu bapa mereka menunaikan Fardu Haji dengan wang yang mereka simpan berdikit-dikit itu. Seperkara lagi yang menarik hati sekarang terdapat Jumaah Haji kita dari kalangan orang muda-muda dan belia, tidak seperti dahulu hanya orang tua-tua saja yang pergi.

Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur iaitu sejak Lembaga Urusan dan Tabung Haji ditubuhkan dalam tahun 1963, badan ini telah memberi perkhidmatan yang cemerlang dan memberi faedah besar kepada umat Islam dan negara ini. Oleh sebab itulah saya sentiasa mengambil berat dan mengarahkan kepada Lembaga ini supaya berusaha memberikan perkhidmatan yang lebih luas lagi terutama sekali kepada Jemaah-Jemaah Haji yang menunaikan Fardu Haji tiap-tiap tahun.

Saya sukacita melihatkan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh Tabung Haji dari segi kemajuan pelaburan, yang berjumlah \$17 juta, dan segi wang yang dapat dikumpul hingga akhir bulan September 1971 yang berjumlah \$38 juta. Tetapi yang mendukacitakan hingga hari ini bilangan anggota Tabung Haji hanyalah tujuh puluh ribu orang sahaja dari jumlah umat Islam negara ini yang tidak kurang dari empat juta orang. Oleh sebab yang demikian, saya menyeru seluruh umat Islam supaya beramai-ramai menyimpan wang dalam Tabung Haji ini demi kepentingan iktisad di samping menunaikan Fardu Haji. Inilah cara yang sebaik-baiknya bagi orang-orang kita dengan secara tidak langsung kita dapat menyertai lapangan perusahaan dan perindustrian kerana wang simpanan ini dilaburkan untuk mencari keuntungan yang halal.

Saudara-saudara sekalian.

Saya mengambil peluang pada hari ini mengucapkan tahniah kepada Syarikat Great Malaysia Line iaitu satu Syarikat Perkapalan yang dimodali oleh orang-orang kita kerana dapat membuat persetujuan dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk membawa Jemaah Haji mulai pada tahun ini. Syarikat ini mengadakan dua buah kapal iaitu "Malaysia Baru" yang ada di depan kita dan "Malaysia Raya". Kedua-dua buah kapal ini dilengkapi dengan segala kemudahan dan lebih laju dari kapal-kapal yang dahulu iaitu dalam masa sembilan dan sepuluh hari sahaja akan sampai di pelabuhan Jeddah. Kapal ini berhawa dingin dan bekalan airnya tidak dicatu-catu seperti masa sudah-sudah.

Saya berharap kemudahan-kemudahan untuk Jemaah Haji dalam pelayaran ini dapat dikekalkan dan terus diperbaiki dari setahun ke setahun. Begitu juga saya telah memberi tahu Lembaga Urusan dan Tabung Haji supaya berikhtiar memberikan perkhidmatan dan kebajikan yang lebih baik kepada Jemaah-jemaah Haji daripada masa mereka meninggalkan kampung halaman masing-masing hingga sampai ke Tanah Suci dan sampai kembali ke Tanah Air semula.

Saudara-saudara sekalian.

Pada kesempatan ini, saya tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Arab Saudi yang telah memberi kerjasama yang penuh dengan kemudahan-kemudahan kepada Jemaah-jemaah Haji pada masa mereka berada di Tanah Suci. Semoga tali persaudaraan dan muhibbah di antara dua Kerajaan kita akan terus berkekalan. Saya sukacita mengumumkan iaitu pada tahun ini saya telah mengarahkan kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji supaya menghantar seorang Atase Haji (Pilgrim Attache) untuk bertugas di Jeddah supaya bersama-sama menjaga kepentingan dan memberi perkhidmatan kebajikan kepada Jemaah Haji kita seluruhnya.

Saudara-saudara sekalian.

Akhirnya saya berharap kepada saudara-saudara Bakal-bakal Haji sekalian supaya menjaga nama baik negara kita semasa berada di Tanah Suci dan mengucapkan Selamat Belayar dan Selamat menunaikan Fardu Haji serta Selamat Kembali ke Tanah Air dengan sejahtera dan mendapat Haji yang Mabruur.